

Newspaper	Berita Harian
Date	27 August 2015

## MDAB ilham PM bantu 32,485 pelajar miskin

Shah Alam: Program Mengubah Destinasi Anak Bangsa (MDAB) yang diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada tahun 2010, sudah berjaya membantu 32,485 pelajar kurang berkecimpuan.

Naib Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM), TSn Sri Prof Dr Ir Sahol Hamid Abu Bakar, berkata pelajar terbabit dipilih daripada keluarga kurang berkemampuan untuk mengikuti pengajian, dengan dibiayai sepe-

nuhnya oleh dana MDAB yang dikendalikan universiti itu.

Katanya, setakat ini kira-kira 80 peratus pelajar di bawah program itu menamatkan pengajian dan berjaya dalam keijaya.

Suntik semangat pelajar "Perdana Menteri banyak membantu UiTM, malah bejiau selalu bertanya khabar dan ambil kisah mengenai orang Melayu di UiTM. Sejak lima tahun lalu banyak yang sudah dilakukan.

"Kalau seseorang pelajar itu sangat berpotensi, tetapi dia tiada kekuatan untuk sambung belajar, Perdana Menteri minta kita cari pelajar ini dan tolong dia. UiTM bertanggungjawab menyuntik semangat pelajar miskin untuk melanjutkan pelajaran," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Sahol berkata, berikutan kejayaan MDAB itu, Perdana Menteri turut meminta Politeknik Port Dickson mengguna pakai modul



“  
PM selalu bertanya  
khabar pelajar  
Melayu di UiTM”

Sahol Hamid Abu Bakar,  
Naib Canselor UiTM

program berkenaan bagi membantu masyarakat India pula.

Bantu kaum India  
"Saya sendiri diminta membantu MIC bagi meningkatkan taraf kaum India. UiTM bersedia membantu MIC bagi memberi peluang kepada pelajar India pula kerana MDAB sudah terbukti berjaya," katanya.

MDAB adalah satu daripada program di bawah tanggungjawab sosial korporat (CSR) UiTM bertujuan membantu mereka yang kurang berkemampuan melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi di universiti itu.

Pada 2013, Jelajah Destinasi Anak Bangsa Malaysia dilancarkan bagi mengenal pasti golongan pelajar yang memerlukan bantuan di seluruh negara.